

Akad Nikah Perdana bantu pasangan kahwin

Suami mualaf berkenalan isteri melalui WeChat antara 13 pasangan dinikahkan

SEPANG - Sepasang suami isteri bersyukur apabila dinikahkan menerusi Program Akad Nikah Perdana yang ditaja sepenuhnya.

Budi Ijan, 35, yang merupakan seorang mualaf berkahwin dengan isterinya Nurhidayu Sumeri, 21, dari Bagan Lalang setelah berkenalan menerusi laman sosial WeChat.

Mereka dinikah pada Program Akad Nikah Perdana di Masjid Meranti, Kampung Pulau Meranti, Sepang sempena Jelajah Program Karnival Kampungku Kesayanganku (Jelajah 3K) Daerah Sepang bagi tahun 2017, baru-baru ini.

Selain bersyukur majlis pernikahan berjalan lancar, Budi yang memeluk agama Islam seminggu lalu turut meluahkan rasa syukur kerana dibukakan pintu hati memeluk agama Islam.

"Saya kenal Hidayu melalui WeChat. Masa tu kami hanya borak-borak biasa, tak terfikir sampai nak kahwin," katanya sambil memandang ke arah Nurhidayu.

Menurutnya, dia bekerja di sebuah kilang pembungkusan udang di Bagan Lalang tidak sangka perkenalannya dengan gadis Melayu itu sehingga ke jinjang pelamin.

"Mulanya bimbang juga sebab saya anak Orang Asli dan tak ada seorang pun ahli keluarga



Ahmad Yunus (empat, kiri) sempat beramah mesra bersama Budi dan isteri, Nurhidayu selepas sesi akad nikah sambil diperhatikan oleh Mohd Naim (tiga, kiri).

saya masuk Islam, mujur lepas berbincang dengan keluarga, mereka tak ada halangan. Cuma sebelum jumpa Hidayu buat kali pertama di Pantai Bagan Lalang, saya ada rasa takut kalau Hidayu tolak lamaran saya, sebab saya hanya tukang bungkus udang di Bagan Lalang, tak bekerja hebat," katanya sambil tersenyum dan mengucapkan Alhamdulillah kerana berjodoh dengan wanita pilihan.

Sementara itu, Hidayu berkata, memang dia dan suami tidak mempunyai simpanan yang banyak memandangkan tiada pe-

rancangan untuk berkahwin.

"Saya tak ada kerja buat masa ni. Lepas kahwin, saya hanya jadi suri rumah. Tapi kalau suami izin saya kerja, saya nak sekali gus dapat tolong dia tampung perbelanjaan harian keluarga," katanya sambil meluahkan rasa gembira kerana terpilih sebagai salah satu pasangan yang dinikahkan pada Program Akad Nikah Perdana sempena Program 3K yang disertai 13 pasangan lain.

Pasangan itu dinikahkan Ketua Hakim Syarie Selangor, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan turut disertai Pegawai Tadbir

Agama Daerah Sepang, Md Razali Hassanusi, Pegawai Daerah Sepang, Roslinah Md Jani.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu dan Warisan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Negeri Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi yang turut menikahkan salah satu peserta bersyukur program kerana memasuki tahun ketiga itu dapat sambutan menggalakkan.

"Selain bantu mereka yang kebanyakannya kurang berkemampuan ia juga memudahkan urusan mereka menguruskan majlis perkahwinan," katanya.

Beri peluang orang muda

BANTING - Kementerian Sumber Manusia digesa mewujudkan inisiatif membantu masalah lepasan ijazah yang masih tiada pekerjaan di negara ini.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid mengakui, sering mendengar rungutan golongan muda terutama lepasan ijazah yang masih tiada pekerjaan supaya dibantu.

Menurutnya, beberapa hari yang lalu, dikhabarkan terdapat cadangan dari Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CEUPACS) supaya umur bersara wajib kakitangan awam dilanjutkan dari 60 tahun kepada 65 tahun.

"Bagi saya, ini mencacatkan lagi usaha untuk memperdayakan usaha pembangunan modal insan dalam memberi ruang kepada golongan muda. Saya tidak bersetuju kepada cadangan tersebut, cukuplah 60 tahun untuk umur bersara wajib," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah Sani berkata, terdapat beberapa bidang yang masih memerlukan tenaga pakar melebihi umur 60 tahun seperti pendidikan dan perubatan.

"Cara paling sesuai adalah selepas mereka ini melalui persaraan wajib, mereka boleh ditawarkan kontrak perkhidmatan secara tahunan dan bukannya lanjutan usia bersara wajib kepada 65 tahun.

"Golongan muda juga perlu diberikan perhatian khusus untuk memastikan pentadbiran sektor awam dipelopori idea-idea baru dan progresif untuk menjamin pentadbiran cekap dan efisien," katanya.

Selain itu, beliau memberitahu, jumlah graduan mengangur hari ini cecah 200,000 orang dan amat mengusarkan dalam keadaan ekonomi tidak menentu untuk mengharungi kehidupan mencabar kerana harga barang naik, terpaksa membayar pelbagai cukai dan yang paling penting untuk membayar balik pinjaman PTPTN.

"Saya harap CEUPACS tidak lagi tampil dengan cadangan yang saya kira tidak relevan dengan keadaan semasa masa ini," katanya.



ABDUL HAMID



KLIK

BAUCAR Penyerahan baucar Hijrah Dun Sungai Pelek kepada 74 orang penerima berjumlah RM24,000 disampaikan oleh Adun Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan di Dewan Orang Ramai Sungai Pelek.